



**BAHAN PENGAJARAN KREATIF GURU PENDIDIKAN  
ISLAM SEKOLAH RENDAH**

**[CREATIVE TEACHING MATERIALS OF ISLAMIC EDUCATION  
TEACHERS PRIMARY SCHOOL]**

SHAELAYANI MOHD HASLI<sup>1\*</sup> & HAFIZHAH ZULKIFLI<sup>1</sup>

1\* Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Correspondent Email: shaelayani09@gmail.com

*Received: 28 April 2023*

*Accepted: 25 May 2023*

*Published: 30 June 2023*

**Abstrak:** Seiring dengan perkembangan pendidikan di Malaysia, keberhasilan guru bukan sahaja dinilai dalam bidang akademik, malah harus menguasai pelbagai bentuk teknik pengajaran serta mampu menghasilkan bahan pengajaran yang kreatif sebagai menyahut cabaran kelas pembelajaran abad ke-21. Penggunaan bahan pengajaran yang kreatif juga telah terbukti dalam membantu guru Pendidikan Islam mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik serta meningkatkan keberkesanan dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan murid di dalam bilik darjah. Kertas konsep ini akan membincangkan konsep bahan pengajaran kreatif secara amnya. Selain itu, kertas konsep ini juga mengutarakan kefahaman guru terhadap bahan pengajaran kreatif serta penerapan kreativiti terhadap bahan pengajaran sama ada dilaksanakan semasa set induksi, cadangan aktiviti atau latihan dan penilaian. Kepentingan penggunaan bahan pengajaran kreatif juga turut dinyatakan. Melalui kertas konsep ini diharapkan dapat memberi pendedahan awal kepada guru Pendidikan Islam untuk terus bergiat aktif mereka cipta bahan pengajaran yang kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

**Kata kunci:** Bahan pengajaran kreatif, Guru Pendidikan Islam, sekolah rendah

**Abstract:** Along with the development of education in Malaysia, the success of teachers is not only evaluated in the academic field; they must also master various forms of teaching techniques and be able to produce creative teaching materials to meet the challenges of the 21st century learning class. The use of creative teaching materials has also been proven to help Islamic Education teachers create an interesting learning environment as well as increase effectiveness in the teaching process and student facilitation in the classroom. This concept paper will discuss the concept of creative teaching materials in general. In addition, this concept paper also expresses the teacher's understanding of creative teaching materials as well as the application of creativity to teaching materials, whether implemented during induction sets, activity suggestions, or training and evaluation. The importance of using creative teaching materials is also mentioned. Through this concept paper, it is hoped to give early exposure to Islamic Education teachers so they can continue to be active in creating creative teaching materials in the teaching and learning process.

**Keywords:** Teaching material creative, Islamic Education Teacher, primary school.

**Cite This Article:**

Shaelayani Mohd Hasli & Hafizhah Zulkifli. 2023. Bahan Pengajaran Kreatif Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah [Creative Teaching Materials of Islamic Education Teachers Primary School]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(2), 63-72.

## **PENGENALAN**

Pendidikan adalah suatu proses yang berterusan dan sentiasa berubah mengikut perubahan dan penambahbaikan yang diperlukan oleh masyarakat. Dalam proses ini, semua pihak, termasuk guru dan murid, perlu bersedia untuk menghadapi pelbagai perubahan yang berlaku dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Oleh sebab itu, pendidikan berkait rapat dengan kreativiti guru dalam proses PdPc. Dalam peredaran masa yang semakin pantas, untuk mencapai matlamat pendidikan yang diinginkan oleh kerajaan, kreativiti dalam penyediaan bahan pengajaran di sekolah menjadi keutamaan dalam proses PdPc. Terutamanya dalam konteks Pendidikan Islam, ia memainkan peranan penting dalam pembentukan keperibadian, nilai, dan sahsiah yang terbaik (Farihah et al. 2020). Selain itu, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam juga telah mengalami perubahan dari rentetan tersebut. Di samping itu, terdapat juga banyak bahan pengajaran digital yang tersedia dalam pendidikan sebagai platform kepada murid-murid. Oleh itu, penggunaan bahan pengajaran berasaskan teknologi menjadi pilihan utama bagi guru-guru Pendidikan Islam. Namun, perlu diingat bahawa penggunaan teknologi semata-mata tidak menjamin keberkesanan pengajaran. Penting bagi guru-guru untuk memastikan bahawa penggunaan teknologi dan bahan pengajaran yang kreatif disesuaikan dengan matlamat pembelajaran yang diinginkan. Guru-guru perlu mengambil kira konteks pelajar, keperluan pembelajaran, dan menerapkan strategi pengajaran yang berkesan. Dalam menghadapi arus perubahan ini, guru-guru perlu berusaha untuk mengembangkan kemahiran kreativiti mereka dalam memilih, mencipta, dan menggunakan bahan pengajaran yang sesuai dengan keperluan semasa.

Dalam pelan transformasi pendidikan menuju kepada pembelajaran abad ke-21 (PAK21), Guru Pendidikan Islam perlu memiliki kebijaksanaan dan kecekapan dalam menggunakan bahan pengajaran. Pembelajaran PAK21 merupakan proses pembelajaran yang memberi tumpuan kepada pelajar dengan menggunakan elemen komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis, kreativiti, serta penerapan nilai murni dan etika. Kreativiti yang ditunjukkan oleh guru akan menjadi contoh kepada murid dalam membentuk kreativiti mereka secara tidak langsung, seperti yang dinyatakan oleh Sternberg (2006). Pembelajaran ini memberikan peluang kepada murid untuk mempelajari Pendidikan Islam secara menyeluruh. Dalam usaha mencapai pendidikan bertaraf dunia, penggunaan teknologi yang semakin meluas di peringkat global mendorong guru dan murid untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan teknologi (Siti Aminah & Fazlinda, 2018). Oleh itu, menurut Subahan & Syed Ismail (2017), penggunaan bahan pengajaran yang canggih oleh guru dapat mempengaruhi minat dan motivasi murid dalam kelas.

Selain itu, mengikut kajian yang dilakukan oleh Nur Afiqah Fatin & Mohd. Isa (2020), penggunaan multimedia dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dapat mendorong murid untuk aktif di dalam kelas dan memberikan kesan positif kepada mereka. Sebaliknya, sesi pembelajaran yang pasif akan menyebabkan pelajar merasa bosan, kehilangan fokus, mengantuk, dan mungkin terlibat dalam aktiviti lain. Penggunaan bahan pengajaran tradisional

secara eksklusif juga tidak mencapai hasil pengajaran yang baik, terutamanya dalam mata pelajaran yang mempunyai waktu pengajaran yang terhad dengan banyak isi kandungan (Shouye, 2017).

Bahan pengajaran didefinisikan sebagai alat pembelajaran yang digunakan untuk mencapai tujuan pembelajaran. Fungsinya adalah untuk memudahkan pencapaian tujuan pembelajaran (Saifuddin & Muhammad Idham, 2017). Selain itu, bahan pengajaran juga dapat dijelaskan sebagai semua perkakas yang digunakan oleh guru untuk membantu dalam menyampaikan pengajaran. Bahan pengajaran meliputi segala objek yang dapat dilihat, didengar, dipegang, dibaca, diceritakan, dirasakan, digunakan, dan sebagainya (Nur Syafiqah & Nurul Nazirah, 2018). Secara ringkas, bahan pengajaran merujuk kepada peralatan atau bahan yang digunakan oleh guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Oleh itu, konsep bahan pengajaran yang kreatif, kefahaman terhadap bahan pengajaran yang kreatif, pelaksanaan kreativiti dalam bahan pengajaran, dan kepentingan penggunaan bahan pengajaran yang kreatif menjadi topik utama dalam kertas konsep ini. Objektif utama kertas konsep ini adalah untuk mengetahui kefahaman tentang bahan pengajaran yang kreatif dalam kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah, mengetahui pelaksanaan kreativiti dalam bahan pengajaran, sama ada semasa set induksi, aktiviti, atau penilaian, dan mengetahui kepentingan bahan pengajaran yang kreatif.

Seiring dengan perubahan drastik dari peradaban global, tugas guru dilihat sangat mencabar dan tidak terkecuali Guru Pendidikan Islam. Sehubungan dengan itu, Guru Pendidikan Islam perlulah mempunyai kecekapan dan keupayaan dalam menghasilkan bahan pengajaran yang kreatif. Ini kerana bahan pengajaran merupakan asas kepada pengajaran berkesan. Namun, masih terdapat sebahagian kecil guru kurang menitikberatkan perkara ini ketika mengajar. Malah dalam kajian lepas menyatakan bahawa penggunaan bahan bantu pengajaran berada pada tahap rendah terutama penggunaan komputer (Fariyah et al. 2018).

Berdasarkan isu tersebut, Nur Atiqah dan Noornajihan (2018) menyatakan bahawa terdapat masalah yang timbul dalam komponen Pendidikan Islam Al-Quran, terutamanya dalam penguasaan bacaan, khususnya bagi pelajar yang mengalami kekurangan penglihatan (Syed Ahmad, Khairul Anuar & Mohd Zohdi, 2003; Misnan, 2008; Aderi, 2008; Mohd Abbas & Farihatun, 2010; Azarudin et al. 2011). Selain itu, Ustaz Mat Fauzi Osman bersama lima orang guru dan dua orang pembantu pengurusan murid telah mengembangkan aplikasi Smart Iqra' yang menggunakan teknologi komputer dan buku manual Iqra' Braille untuk membantu pelajar yang mengalami kekurangan penglihatan. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya bagi guru untuk mencari penyelesaian dan alternatif dalam diversifikasi bahan pengajaran, sama ada dengan menggunakan sumber yang sedia ada atau menghasilkan bahan pengajaran sendiri dengan kreativiti. Guru Pendidikan Islam kini perlu berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka, serta menyesuaikan diri dengan keperluan semasa, untuk menghasilkan bahan pengajaran yang kreatif dan berkualiti.

## **KONSEP BAHAN PENGAJARAN KREATIF**

Bahan pengajaran merujuk kepada objek yang digunakan dalam proses pengajaran untuk menyampaikan maklumat. Objek tersebut boleh terdiri daripada benda-benda yang wujud di sekeliling kita atau yang dibina oleh manusia, sama ada oleh guru sendiri atau dibeli dari kedai.

Terdapat pelbagai jenis bahan pengajaran yang biasa digunakan oleh guru semasa menyampaikan pengajaran, antaranya termasuk kertas latihan, pita suara, kaset, peta, kertas fotokopi, cakera padat, cakera liut, gambar, dan sebagainya. Bahan Bantu Mengajar atau bahan pengajaran sering kali digunakan oleh guru ketika mengajar. Menurut *The Routledge International Encyclopedia of Education*, bahan pengajaran merujuk kepada pelbagai jenis bahan, peralatan, objek, atau mesin yang digunakan oleh guru untuk menjelaskan atau memudahkan subjek (Guthrie, 2003; McCulloch dan Crook). Mengikut Ragbir Kaur Joginder Singh (2013), bahan pengajaran merujuk kepada kelengkapan atau peralatan yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan isi pelajaran semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan di dalam bilik darjah. Penggunaan bahan pengajaran dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan memainkan peranan penting dalam mencipta suasana pembelajaran yang aktif di dalam bilik darjah. Selain itu, ia juga membantu meningkatkan kualiti pelaksanaan proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang dijalankan oleh guru.

Pada dasarnya, semua bahan pengajaran dapat dimanipulasikan untuk menjadikan sesi pengajaran lebih menarik. Guru yang kreatif dapat mewarnai dan menghiasi bahan pengajaran untuk menarik minat murid. Bahan pengajaran yang kreatif, seperti yang ditakrifkan oleh Abd Hamid et al. (2003), melibatkan penyusunan strategi dalam pengajaran dan menghasilkan idea yang kreatif. Menurut Muhamad Zaki (2013), kreativiti adalah proses mencipta dan memupuk nilai inovasi dalam diri individu. Kajian yang dilakukan oleh Muhammad Nazir et al. (2018) menunjukkan bahawa penggunaan bahan pengajaran kreatif dengan menggunakan perisian multimedia permainan Bahasa yang dikenali sebagai SaF telah meningkatkan penguasaan kosa kata dan terjemahan surah al-Fatihah dalam kalangan murid sekolah rendah. Permainan SaF ini menggunakan komputer tablet sebagai medium pembelajaran. Selain itu, terdapat juga penggunaan multimedia yang berkaitan dengan bidang al-Quran dan Bahasa Arab, seperti Multimedia Interaktif flash, yang dapat meningkatkan minat murid dalam mata pelajaran Bahasa Arab (Andri et al. 2017). Oleh itu, jelaslah bahawa guru, terutamanya guru Pendidikan Islam, memainkan peranan penting dalam mencipta dan memupuk amalan kreativiti di sekolah untuk menjadikan proses pengajaran dan pemudahcaraan lebih menarik dan menyeronokkan. Dengan menggunakan bahan pengajaran yang kreatif dan inovatif, guru dapat meningkatkan keberkesanan PdPc dan memastikan pembelajaran yang lebih berkesan serta mengembirakan bagi murid-murid mereka.

## **KEFAHAMAN GURU TERHADAP BAHAN PENGAJARAN KREATIF**

Kefahaman guru terhadap sesuatu perkara mempengaruhi tingkah laku dan amalan di dalam bilik darjah. Kefahaman guru tentang menghasilkan bahan pengajaran yang kreatif membantu dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Dalam konsep bahan pengajaran kreatif, ianya merujuk kepada pemahaman dan kemahiran guru dalam merancang, mengembangkan, dan menyampaikan bahan pengajaran yang mempromosikan kegiatan pembelajaran yang aktif, interaktif, dan kreatif kepada pelajar. Guru Pendidikan Islam yang memahami konsep ini akan cenderung menggunakan pendekatan inovatif dan menyediakan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna bagi pelajar. Menurut Sumaiyah Sulaiman et al. (2015), kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan Mini

Kit Manhaj sebagai bahan pengajaran kreatif mampu membantu siswa pendidik mengingat dan memahami perkataan dan istilah yang dipelajari.

Selain itu, menurut kajian Umi Nadiha, Zamri dan Jamaludin Badusah (2011), kecemerlangan akademik tidak hanya berfokus pada aspek akademik semata-mata, tetapi juga mendorong guru Bahasa Melayu untuk menekankan pelbagai kemahiran insaniah seperti kemahiran berfikir, kemahiran belajar, dan kebolehan menguasai bahasa kedua dengan baik termasuklah kemahiran mengguna dan mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, guru perlu peka dan cakna dalam pengajaran mereka terlebih dahulu. Setelah membuat refleksi pengajaran, jika terdapat pelajar yang belum menguasai sesi pembelajaran, guru haruslah bijak mengatur strategi untuk merancang bahan pengajaran yang kreatif ataupun memanfaatkan kemudahan teknologi yang ada dengan melibatkan pelajar dalam aktiviti pembelajaran yang interaktif dan menyeronokkan.

## **PENERAPAN KREATIVITI TERHADAP BAHAN PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH RENDAH**

### **Set Induksi**

Set induksi adalah elemen penting dalam PdPc yang efektif. Set induksi yang menarik dan kreatif dapat memotivasikan murid untuk terlibat dalam aktiviti pembelajaran. Set induksi merupakan teknik yang digunakan untuk memperkenalkan topik pembelajaran dengan cara yang menarik dan menggalakkan minat pelajar (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2010). Idea-idea ini melibatkan pelbagai aktiviti seperti "*icebreaker*", "*teka-teki*", "*papar kata*", dan lain-lain yang dapat memberi motivasi kepada pelajar dan mengurangkan rasa bosan. Dengan menggunakan idea-idea ini, guru dapat mencipta set induksi yang menyeronokkan dan efektif untuk membantu pelajar memulakan sesi pembelajaran dengan baik.

Menurut penelitian oleh Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, & Mohd. Zohir Ahmad (2005), kaedah set induksi adalah apabila guru memulakan pengajaran dalam jangka masa tiga hingga lima minit. Esah Sulaiman (2004) dan Dallat (2013) pula menyatakan bahawa tempoh set induksi adalah antara dua hingga lima minit, bergantung kepada kreativiti guru. Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2007) turut menjelaskan bahawa set induksi merupakan permulaan atau pengenalan kepada proses pengajaran. Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim (2016) juga menyatakan bahawa set induksi memainkan peranan penting kerana pada peringkat ini guru menyampaikan idea dan bahan pengajaran dalam minda pelajar. Bahagian ini adalah penting untuk menarik perhatian murid, mempertahankan fokus mereka, membangkitkan minat, dan menimbulkan rasa ingin tahu terhadap topik yang disampaikan oleh guru (Bentley-Davies, 2010; Esah Sulaiman, 2004; Rosnaini Sulaiman, Maimun Aziz, & Mok Soon Sang, 2011). Oleh itu, kaedah penggunaan set induksi perlu dihubungkan dengan objektif PdPc, menyediakan pernyataan tentang topik sebelumnya, menggunakan elemen visual, memberikan peluang kepada murid untuk berfikir dan berbincang dengan rakan sekelas, memberikan arahan yang jelas dan mudah difahami, serta menetapkan masa untuk melibatkan semua murid dalam sesi pembelajaran.

Menurut buku "*Pembelajaran Sepanjang Hayat: Teori dan Praktis*" oleh Zainal Abidin M. Yusuf dan Mohd Isa Hamzah, aktiviti pengenalan berfungsi sebagai cara untuk memberi

gambaran awal kepada pelajar tentang topik yang akan dipelajari dan juga membantu membangun hubungan antara guru dan pelajar. Dalam kajian "*The Importance of Warm-up Activities in Classroom Teaching*" oleh Mohd Hafiz Ahmad dan Mohd. Helmi Yusof, aktiviti pengenalan turut diketahui dapat meningkatkan perhatian dan konsentrasi pelajar, meningkatkan motivasi dalam pembelajaran, serta membantu membina hubungan yang positif antara pelajar dan guru. Beberapa contoh aktiviti set induksi yang menarik untuk dilaksanakan termasuklah "2 Benar dan 1 Palsu", meneka gambar, teka-teki, bacaan cepat, papar kata, lari dan cari, kehadiran aktif, cerita bergambar, syarahan ringkas, dan memberikan ulasan.

### **Cadangan Aktiviti**

Dalam konteks pendidikan terkini, penekanan diberikan kepada Pembelajaran abad ke-21 atau PAK21 dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di dalam kelas. Kementerian Pendidikan telah mendefinisikan PAK21 sebagai pendekatan pembelajaran yang memberi tumpuan kepada murid dengan menggunakan unsur komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis, kreativiti, serta penerapan nilai murni dan etika. Pusat perhatian PAK21 adalah untuk memastikan proses pembelajaran melibatkan murid secara aktif dan memberi keutamaan kepada peranan mereka. Dalam PAK21, guru berfungsi sebagai pemudahcara yang menggalakkan penyertaan aktif pelajar dalam kelas. Untuk menguasai kemahiran abad ke-21, penting bagi guru untuk menggunakan pelbagai strategi pengajaran melalui pemilihan dan perancangan yang tepat dalam menentukan pendekatan, kaedah, teknik, dan aktiviti dalam sesi pengajaran untuk mencapai objektif pembelajaran (Ismail Suardi, 2014).

Terdapat pelbagai aktiviti pembelajaran berdasarkan Pembelajaran abad ke-21 yang boleh dilakukan di dalam kelas. Aktiviti-aktiviti ini dijangka dapat menarik minat pelajar dan menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan. Beberapa contoh aktiviti pembelajaran tersebut adalah "*Round Table*", "*Think-Pair-Share*", "*Hot Seat*", "*Deklamasi Sajak*", pembentangan, permainan peranan ("*role play*"), "*Gallery Walk*", "*Three Stray, One Stay*", dan peta i-Think.

### **Latihan dan Penilaian**

Proses pembelajaran pelajar tidak berakhir dengan penyampaian pelajaran oleh guru semata-mata. Pada akhir sesuatu pembelajaran, guru perlu mengukur sejauh mana pelajar memahami pengajaran guru. Salah satu cara untuk mendapatkan maklumat ini ialah melalui latihan dan penilaian. Menurut Tuckman (1975:12) seperti yang disebut dalam buku "*Panduan Latihan Mengajar*" oleh Kamaruddin Hj Husin, latihan boleh dikategorikan sebagai jenis alat pengukuran yang digunakan untuk memahami seseorang.

Penilaian seperti yang dinyatakan oleh Mohamad Najib Abdul Ghafar dalam bukunya "*Pembinaan & Analisis Ujian Bilik Darjah Edisi Kedua*", merupakan satu proses sistematik yang melibatkan pengumpulan, analisis, dan pentafsiran maklumat tentang pencapaian pelajar terhadap objektif pengajaran. Penilaian melibatkan pengukuran dan penilaian kebolehan dan keupayaan murid berdasarkan objektif yang ditetapkan. Penilaian formatif dianggap penting dalam pendidikan kerana ia memberi motivasi kepada murid dan mempengaruhi proses pembelajaran dan pengajaran. Beberapa aktiviti yang sering digunakan dalam penilaian

formatif termasuk undian, perbahasan, kuiz, dan Cloud Word. Selain itu, guru-guru masa kini juga telah menunjukkan kebijaksanaan dalam memperbanyakkan jenis latihan kepada murid-murid mereka. Terdapat guru yang membuat latihan sendiri menggunakan aplikasi seperti Liveworksheet, Wordwall, Quizziz, dan lain-lain. Ini menunjukkan kekreatifan guru-guru dalam menyediakan latihan kepada pelajar-pelajar mereka.

### **KEPENTINGAN PENGGUNAAN BAHAN PENGAJARAN YANG KREATIF**

Bahan pengajaran memainkan peranan penting dalam pembelajaran, kerana ia dapat memberikan stimulasi dan kreativiti kepada pelajar semasa proses belajar. Manakala penggunaan bahan pengajaran yang kreatif mempunyai kebaikannya tersendiri, di mana guru dapat membantu pelajar memahami konsep-konsep semasa mereka belajar. Sejak wabak Virus Covid-19 dan pelaksanaan PdPR, penggunaan bahan pengajaran multimedia juga telah dilihat sebagai kaedah pengajaran yang berkesan, mampu menarik minat murid dan memberi impak yang tinggi kepada kemahiran dan kreativiti guru serta pelajar. Seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0, guru-guru masa kini telah menunjukkan kekreatifan dan keinovatifan yang lebih tinggi dalam pembinaan dan pelaksanaan bahan pengajaran multimedia. Ini dapat dilihat melalui pelancaran Cikgootube oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, di mana pasukan pengajar menggunakan platform YouTube sebagai medium penyampaian dan perkongsian pembelajaran yang lebih efektif dan kreatif. Guru Pendidikan Islam juga tidak terkecuali dalam pasukan ini. Namun demikian, terdapat sebilangan kecil Guru Pendidikan Islam yang masih lebih selesa menggunakan kaedah lama seperti kuliah dan memberikan nota dalam proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc).

Sehubungan itu, penggunaan bahan pengajaran yang kreatif akan dapat meningkatkan lagi profesionalisme perguruan di Malaysia. Seterusnya, pelajar juga akan dapat manfaat apabila guru berjaya mengaplikasikan bahan pengajaran kreatif yang mereka hasilkan dalam PdPc. Kesan daripada penggunaan bahan pengajaran yang kreatif, pelajar akan menikmati PdPc yang berkesan, menjimatkan masa dan pengalaman pengajaran yang menarik.

### **CADANGAN DAN KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, dapat dijelaskan bahawa guru Pendidikan Islam perlu mempelbagaikan dan meningkatkan tahap penggunaan bahan pengajaran supaya PdPc yang dijalankan lebih menarik dan berkesan. Penggunaan bahan pengajaran yang kreatif dalam pengajaran Pendidikan Islam dilihat sebagai salah satu strategi pengajaran yang perlu dilaksanakan oleh Guru Pendidikan Islam bagi menarik minat murid untuk mempelajari mata pelajaran tersebut. Pelbagai usaha telah dibuat oleh pihak-pihak tertentu untuk memastikan kreativiti dapat diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Mahupun begitu, banyak lagi usaha yang perlu dibuat untuk meningkatkan kreativiti dalam kalangan guru Pendidikan Islam sama ada ia dilaksanakan semasa Set induksi, cadangan aktiviti ataupun latihan dan penilaian. Empat aspek yang diutarakan dalam penulisan ini termasuklah konsep bahan pengajaran kreatif, kefahaman guru dalam menghasilkan bahan pengajaran yang kreatif, penerapan kreativiti terhadap bahan pengajaran dan kepentingan penggunaan bahan pengajaran kreatif semasa PdPc. Oleh itu,

diharapkan guru Pendidikan Islam ini dapat membudayakan kreativiti seiring dengan matlamat pendidikan negara untuk melahirkan pelajar yang kreatif dan inovasi.

## RUJUKAN

- Abd. Hamid, Mohd. Azhar, Hassan, Zainudin, Khalid, Esa, Abu Kassim & Othman. 2003. Pendidik kreatif sebagai teras transformasi literasi kreatif di Malaysia. [http://eprints.utm.my/id/eprint/2286/1/PENDIDIK\\_KREATIF\\_SEBAGAI\\_TERAS\\_TRANSFORMASI.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/2286/1/PENDIDIK_KREATIF_SEBAGAI_TERAS_TRANSFORMASI.pdf) <http://eprints.utm.my/id/eprint/2286/>.
- Ahmad, Mohd Hafiz & Yusof, Mohd. Helmi. 2015. The Importance of Warm-up Activities in Classroom Teaching. *International Journal of Education and Research*, 3(5), 55-62.
- Bentley-Davies, C. 2010. *How to be an- Amazing Teacher*. Wales: Crown House Publishing Ltd UK.
- Dallat, J. 2013. Set Induction and Closure: Key Teaching Skills. Retrieved from [https://www.academia.edu/31419449/Learning\\_and\\_Teaching\\_Set\\_Induction\\_and\\_Closure\\_Key\\_Teaching\\_Skills](https://www.academia.edu/31419449/Learning_and_Teaching_Set_Induction_and_Closure_Key_Teaching_Skills).
- Esah Sulaiman. 2004. *Pengenalan Pedagogi*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Fariyah Hussain, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis & Mohammad Zamri Jusoh. 2020. Amalan Bahan Bantu Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Nahu Kurikulum Bersepadu Dini Sekolah Agama. *Jurnal 'Ulwan* 5(1): 134-145.
- <https://news.utm.my/ms/2021/01/cabaran-pendidik-kreativiti-dalam-penilaian-pdp/>  
<https://relevan.com.my/2022/02/11/apa-itu-pembelajaran-abad-ke-21/>  
<https://www.pendidik2u.my/apa-itu-cikgootube/>
- Jaffri Hanafi, Sharulnizam Ramli & Sabzali Musa Kahn. 2014. Kreativiti menerusi modul bertema : Guru menjana atau menghalang perkembangan kreativiti kanak-kanak. *Jurnal Pengajian Melayu*, 24 (1-20).
- Jamil, H., Ahmad, N. A., & Mohd Nor, M. M. 2021. Teachers' Understanding and Challenges in Developing Creative Teaching Materials: A Case Study in Malaysian Primary Schools. *Journal of Education and Learning*, 10(5), 95-106.
- Kamarul Azmi, Jasmi, Mohd Faez, Ilias, Ab Halim Tamuri, dan Mohd Hamzah. 2011. Penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 59- 74.
- Khodijah Abdul Rahman, Siti Zaharah Mohid & Roslinda Ramli. 2018. Kesiediaan Guru Menggunakan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Rendah Agama di Selangor. *Proceedings of 4th International Conference on Information Technology & Society*: 1-9.
- Khosronejad, M., Khaghaninejad, M. S., & Shahriari, H. 2021. Teachers' Understanding and Implementation of Creativity in English Language Teaching: A Mixed-Methods Study. *Thinking Skills and Creativity*, 40, 100866.
- Looi, C. K., Seow, P., Zhang, B. H., So, H. J., Chen, W., & Wong, L. H. 2021. Developing 21st Century Competencies through Creative Classroom Practices: Perspectives from Singapore. *Educational Technology Research and Development*, 69(1), 45-65.



- Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah. 2017. Tahap Pengetahuan dan Kesiapan Guru-guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 1(1): 1-13.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. 2011. *Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah Edisi Kedua*. Penerbit UTM Press.
- Muhamad Zaki Samsudin, Razali Hassan & Azman Hasan. 2013. Conference: Technology, Education, and Science International Conference (TESIC) At: Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia Volume: 1.
- Nik Mohd Rahimi, Nik Yusoff, dan Kamarulzaman, Ab Ghani. 2008. Penggunaan alat bantu mengajar dan hubungannya dengan pencapaian kemahiran mendengar bahasa arab. *Jurnal Teknologi*, 49(E), 141-154.
- Nur Afiqah Fatin & Mohd. Isa Hamzah. 2020. Tahap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Bidang Al-Quran: Satu Kajian Rintis Terhadap Guru Pendidikan Islam Di Sarawak. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)* 223-233.
- Nur Atiqah Abdul Aziz & Noornajihan Jaafar. 2018. Penguasaan Pembelajaran al-Quran Berbantuan Aplikasi Multimedia Interaktif Smart Iqra: Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan khas Alma, Pulau pinang. *Jurnal of Quran Sunnah Education & Special Needs* 2(2),24-36. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no2.16>. Diakses pada 02.06.2023.
- Reza Pishghadam, Purya Baghaei & Shaghayegh Shayesteh. 2012. Construction and Validation of an English Language Teacher Creativity Scale (ELT-CS). *Journal of American Science* 2012, 8(3):497-508.
- Rosnaini Sulaiman, Maimun Aziz, & Mok Soon Sang. 2011. *Kemahiran Berfikir*. Puchong, Selangor: Penerbitan Multimedia.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd. Zohir Ahmad. 2005. *Pedagogi : strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Pub., 2005.
- Shouye Dong. 2017. Application of Multimedia Technology in the Course Teaching of Geography of China. *Proceedings of the 2017 7th International Conference on Education, Management, Computer and Society (EMCS 2017)*,61: 347-351.
- Shuhaila Ab.Jawas & Hafizhah Zulkifli. 2022. Amalan Pengajaran Kreatif Guru Pendidikan Islam Bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 2(1), 1-9.
- Siti Aminah Sallehin & Fazlinda Ab Halim. 2018. Penggunaan Alat Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Multimedia Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah Menengah Zon Benut. *Online Journal for TVET Practitioners*. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4814>.
- Sofiah Mohamed & Kamarul Azmi Jasmi. 2021. Amalan Induksi Set dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah bagi disiplin Ilmu Pendidikan Islam. (Teaching and Learning Preparation Practice among Islamic Education Preschool Teachers). *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 8(2), 67-77. <https://doi.org/10.11113/umran2021.8n2.459>.

- Subahan Mohd Meerah & Syed Ismail Syed Mustapa. 2017. *Pedagogi Abad ke-21*. Sasbadi Sdn Bhd: Selangor.
- Umi Nadiha Mohd Nor, Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah. 2011. Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah menengah. (Inculcation of generic skills in the teaching of secondary school Malay Language teachers). *Jurnal Pendidikan Bahasa melayu ; Malay Language Education (MyLEJ)*, 1(2). pp. 71-84.
- Yusuf, Zainal Abidin M. & Hamzah, Mohd Isa. 2010. *Pembelajaran Sepanjang Hayat: Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.